

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jelaskan asas-asas dan matlamat sistem penzonan kawasan menangkap ikan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Apakah faedah dan hasil yang telah didapati daripada sistem penzonan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas-asas dan matlamat Kementerian memperkenalkan pengezonan kawasan penangkapan ikan adalah untuk meminimalkan tekanan dan impak kepada sumber perikanan dan ekosistem marin yang semakin terancam. Pelaksanaan pengezonan kawasan penangkapan ikan telah bermula pada tahun 1983 dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah memperkenalkan pengezonan semula bagi kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia pada tahun 2015.

2. Sistem pengezonan bagi Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 23

- i. Zon A iaitu 0 hingga 5 batu nautika bagi sampan atau vesel tradisional atau vesel pukat jerut bilis yang bermuatan kurang daripada 40 *Gross Registered Tonnage (GRT)*;
 - ii. Zon B iaitu 5 hingga 12 batu nautika bagi vesel komersil pukat tunda dan pukat jerut yang bermuatan kurang daripada 40 *Gross Registered Tonnage (GRT)*;
 - iii. Zon C iaitu 12 hingga 30 batu nautika bagi vesel komersil pukat tunda dan pukat jerut yang bermuatan di antara 40 hingga 70 *Gross Registered Tonnage (GRT)*;
 - iv. Zon C2 iaitu 30 batu nautika sehingga kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) bagi vesel komersil pukat tunda dan pukat jerut yang bermuatan 70 *Gross Registered Tonnage (GRT)* ke atas; dan
 - v. Zon C3 bagi vesel tuna yang menggunakan peralatan pukat jerut atau rawai bermuatan lebih daripada 70 *Gross Registered Tonnage (GRT)* ke atas serta beroperasi di kawasan Lautan Hindi.
3. Manakala sistem pengezonan bagi Pantai Barat Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:
- i. Zon konservasi iaitu 0 hingga 1 batu nautika yang hanya terpakai bagi Kedah, Perak dan Selangor sahaja;
 - ii. Zon A iaitu 1 hingga 8 batu nautika bagi sampan atau vesel tradisional atau vesel pukat jerut bilis kurang daripada 40 *Gross Registered Tonnage (GRT)*;
 - iii. Zon B dan B1 iaitu 5 hingga 15 batu nautika bagi vesel komersil pukat tunda dan pukat jerut bermuatan di antara 25 hingga 40 *Gross Registered Tonnage (GRT)*;

SOALAN NO : 23

- iv. Zon C dan C2 iaitu 15 batu nautika sehingga Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) lebih daripada 40 *Gross Registered Tonnage (GRT)* ke atas;
- v. Zon C3 bagi vesel tuna lebih daripada 70 *Gross Registered Tonnage (GRT)* ke atas yang menangkap kawasan Lautan Hindi.

4. Menerusi kaedah pengezonan kawasan penangkapan ikan ini, pengurusan nelayan dan sumber perikanan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan adil. Kaedah ini juga membolehkan pengawalan bilangan vesel dan jenis peralatan penangkapan ikan mengikut zon dapat dilaksanakan bagi memastikan eksploitasi secara berlebihan (*overfishing*) sumber perikanan tidak berlaku. Secara tidak langsung, konflik antara nelayan tradisional dengan komersil turut dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.